

22/02/1999

Islam tidak tolak sekular

KUALA LUMPUR, Ahad - Islam tidak menolak sekular di dalam sesebuah kerajaan kerana ia adalah perkara yang membabitkan duniawi iaitu perkara yang membabitkan kesenangan dan kebajikan di dunia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Bagaimanapun, katanya Islam melarang fahaman sekularisme iaitu fahaman yang hanya mementingkan kebajikan di dunia dan tidak melaksanakan kewajipan untuk bekalan hari akhirat.

"Ada sesetengah ahli politik salah erti perkataan sekular dan sekularisme yang menyebabkan mereka menuduh kerajaan hanya memperjuangkan keduniaan dan memisahkan ajaran Islam," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Minum Petang anjuran Perkim Cawangan Bukit Bandaraya di sini, hari ini.

Abdul Hamid berkata, apa yang dilaksanakan kerajaan sekarang adalah pemerintahan yang menghormati agama dan tidak ada pemisahan antara duniawi dengan agama.

"Cara kerajaan memerintah dan jalankan negara juga tidak berfahaman sekularisme. Kerajaan sekarang menggunakan pemerintahan secara 'perkongsian kuasa' iaitu semua kaum ada hak politik," katanya.

Sebelum ini, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam wawancara disiarkan Mingguan Malaysia baru-baru ini berkata, Umno adalah parti sekular sama seperti parti politik lain, kecuali Pas yang berteraskan Islam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Menteri Besar Kelantan itu kerana terpengaruh dengan pemikiran Barat berhubung sekularisme yang berpendapat kehidupan di dunia terbahagi kepada agama dan kegiatan duniawi.

Menurut Perdana Menteri, Islam tidak membahagikan antara kehidupan di dunia dan agama kerana setiap perkara yang dilakukan umatnya membabitkan urusan keagamaan.

Mengenai sesetengah pihak yang cuba melaga-lagakan umat Islam untuk kepentingan politik, Dr Abdul Hamid berpendapat tindakan itu boleh menimbulkan rasa benci di antara satu sama lain dan mewujudkan perpecahan kaum.

"Tindakan melemparkan perkataan kufur kepada orang lain juga dilarang di dalam Islam kerana aqidah seseorang tidak boleh dihukum mana-mana pihak selagi beliau masih mengucapkan dua kalimah syahadah," katanya.

Katanya, Islam sentiasa menyuruh umatnya mengeratkan hubungan dan kasih sayang antara satu sama lain dan melarang sama sekali menuduh orang lain melalui ucapan, ceramah atau syarahan yang provokasi sehingga memisahkan perpaduan orang Islam.

Menurutnya, adalah bertentangan dengan Islam jika ada parti politik terlalu ghairah untuk menang dalam politik sanggup menonjolkan unsur yang boleh memecah-belah umat Islam.

(END)